

# JAWAPAN

Unit  
1

## Sumber Moral Asas Pembentukan Akhlak Mulia

### Modul PBD

1. Sumber moral
  - (a) Agama
  - (b) Kepercayaan
  - (c) Norma masyarakat
  - (d) Rukun negara
2. (a) Agama Islam (Al-Quran)  
(b) Agama Kristian (Bible)  
(c) Agama Hindu (Bhagavad Gita)  
(d) Agama Buddha (Tripitaka)
3. (a) Tidak boleh memotong di garisan berkembar dan tidak boleh memandu melebihi had laju yang dibenarkan.  
(b) Mengetuk pintu, memberi salam dan membuka kasut sebelum masuk.  
(c) Tidak boleh terlalu sedih dan mengucapkan takziah.
4. (a) Menerapkan nilai-nilai murni dan menghormati antara satu sama lain.  
(b) Dapat bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain.  
(c) Menyedarkan tanggungjawab individu kepada keluarganya.
5. (a) Gembira, kerana masih ada rakan yang simpati.  
(b) (i) Mengatakan sesuatu yang negatif.  
     (ii) Membuat bising di katil pesakit.  
(c) (i) Memberi makanan kepada jiran.  
     (ii) Menghadiri rumah jiran semasa perayaan keagamaan.

### Power KBAT

1. (a) Agama menjadi sumber moral bukan hanya kerana agama mengajar kepercayaan kepada Tuhan dan kehidupan akhirat, tetapi juga adanya perintah dan adanya larangan dalam agama.  
(b) (i) Menghormati orang yang lebih tua tanpa mengira bangsa dan agama menjamin keharmonian komuniti.  
     (ii) Memakai pakaian yang sopan ketika menghadiri sesuatu majlis dan menjadi budaya Malaysia tidak berbual-bual dengan kuat ketika berada di dalam majlis.  
     (iii) Berkunjung ke rumah jiran semasa sambutan perayaan pemangkin keharmonian komuniti di Malaysia.  
     (iv) Menghormati norma masyarakat setempat menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia.
2. Berhenti berjalan dan tunjukkan rasa hormat dengan berdiri tegak.

(Terima jawapan murid yang sesuai)

Unit  
2

## Agama atau Kepercayaan Membentuk Keperibadian Mulia

### Modul PBD

1. (a) membezakannya  
(b) membentuk  
(c) bertanggungjawab  
(d) agama  
(e) pantang larang  
(f) manusia
2. (a) Bertanggungjawab  
(b) Bersyukur  
(c) Pemaaf  
(d) Sabar  
(e) Mempunyai harga diri  
(f) Bercakap benar
3. (a) **Bercakap benar**  
Menyatakan sesuatu dengan betul dan benar.  
(b) **Sabar**  
Sentiasa tabah dan bersemangat serta berdaya saing apabila gagal dalam usaha mendapatkan sesuatu.  
(c) **Bertanggungjawab**  
Sentiasa prihatin dan menjalankan tugas dan amanah yang diberi dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan atau imbuhan yang setimpal.  
(d) **Bersyukur**  
Perasaan atau sikap positif menghargai faedah atau nikmat yang telah atau akan diterima.  
(e) **Pemaaf**  
Orang yang rela memberi maaf dan melepaskan seseorang daripada kesalahan dan membebaskan daripada hukuman.  
(f) **Mempunyai harga diri**  
Tidak melakukan jenayah sosial seperti vandalisme, gangsterisme, merokok, dan ketagihan dadah.
4. (a) Melakukan perkara yang ditegah  
(b) Mencemarkan dan merosakkan alam sekitar.  
(c) Mempunyai fikiran yang negatif dan berasa tertekan.
5. (a) Meningkatkan penghayatan manusia terhadap nilai-nilai murni.  
(b) Membezakan amalan baik dengan amalan buruk.  
(c) Melahirkan individu yang berpekerti mulia.  
(d) Meningkatkan disiplin dan imej diri.  
(e) Menjauhi perkara yang dilarang.
6. (a) Menjauhi perkara yang dilarang.  
(b) Membezakan amalan baik dengan amalan buruk.
7. (a) Marah  
(b) Sedih  
(c) Keliru  
(d) Risau / Bimbang  
(e) Gembira



- (f) Takut  
(g) Sayang
8. Saya berasa bangga dan gembira apabila berjaya melaksanakan ajaran agama atau kepercayaan dalam kehidupan sehari-hari.
9. (a) Gembira, dapat bekerjasama dengan orang lain.  
(b) (i) Dapat menghindari daripada perbuatan yang tidak baik.  
(ii) Dapat menenangkan diri daripada masalah yang dihadapi.  
(c) (i) Menjadi suri teladan yang baik.  
(ii) Memberi nasihat jika anak melakukan kesilapan.

**Power KBAT**

1. (a) Agama merupakan keyakinan yang dimiliki oleh setiap orang pada pencipta alam semesta ini. Dalam menjalankan kehidupan di dunia ini, agama mempunyai peranan yang sangat penting.

Agama menjadi salah satu pedoman hidup bagi manusia untuk menjalankan dan mengaturkan hidupnya agar selalu berada di jalan kebenaran.

2. (a) Nilai kerajinan, jujur, amanah, sikap tidak berputus asa dan bertanggungjawab.  
(b) • Proses pengajaran dan pembelajaran  
• Pengalaman dalam kehidupan  
• Denda dan ganjaran  
• Kerasionalan dan kematangan

(Terima jawapan murid yang sesuai)

Unit  
**3**

**Tanggungjawab Diri Terlaksana Hidup Makin Bahagia****Modul PBD****1. Menjaga kesihatan diri**

- (a) Bersenam.  
(b) Tidur yang mencukupi.  
(c) Mengambil makanan seimbang.  
(d) Mengambil suntikan imunisasi.

**Menjaga kebersihan diri**

- (a) Gosok gigi dan berkumur setiap kali selepas makan.  
(b) Pakai pakaian yang bersih.  
(c) Potong kuku tangan dan kaki yang panjang.  
(d) Mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari.

**Menjaga keselamatan diri**

- (a) Tidak berjalan bersendirian pada waktu malam.  
(b) Tidak bercakap dengan orang yang tidak dikenali.  
(c) Tidak mendedahkan maklumat peribadi di Internet/media sosial.  
(d) Memakai topi keledar semasa menunggang basikal/membonceng motosikal.

**2. Cara melaksanakan tanggungjawab diri semasa di sekolah**

- (a) Memberi salam dan hormat pada guru.  
(b) Melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.  
(c) Menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru.  
(d) Melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran.

**Cara melaksanakan tanggungjawab diri semasa di rumah**

- (a) Menolong ibu bapa menyiapkan kerja-kerja di rumah.  
(b) Menjaga adik-adik dengan baik ketika ketiadaan ibu bapa anda di rumah.  
(c) Menghormati anggota keluarga dengan tutur kata yang sopan.  
(d) Meminta izin dan kebenaran sekiranya ingin keluar bersama-sama rakan.

**Cara melaksanakan tanggungjawab diri semasa bergaul dengan rakan**

- (a) Bercakap dengan sopan dan berbudi bahasa.  
(b) Membantu rakan yang dalam kesusahan tanpa mengharapkan balasan.  
(c) Menasihati rakan secara berhemah jika melakukan kesalahan.  
(d) Mengajak rakan untuk melakukan kebaikan.

**3. Kepentingan pencapaian akademik di sekolah**

- Supaya menjadi murid yang cemerlang.
- Tidak mudah terpengaruh dengan budaya negatif.

**Kepentingan menjadi anak yang baik**

- Supaya dipandang mulia dan disegani.
- Dapat membanggakan ibu dan bapa.

**Kepentingan beradab sopan dengan masyarakat**

- Dipandang mulia oleh masyarakat lain.
- Mencerminkan keperibadian diri.

**Kepentingan memuliakan agama**

- Menjadi orang yang berguna.
- Menjadi penganut yang baik dan benar.

**4. (a) Gagal menjawab soalan peperiksaan dengan baik.**

- (b) Didenda oleh penguatkuasa sebanyak RM300 kerana merokok di kawasan larangan.  
(c) Dimarahi kerana mengganggu orang lain untuk bersembahyang.

**5. (a) Gembira dan bangga kerana kecacatan bukan penghalang kejayaan.**

- (b) (i) Memberikan perhatian penuh semasa guru mengajar di dalam kelas.  
(ii) Tekun dalam menyiapkan tugas dan projek yang diberikan oleh guru.  
(c) (i) Membantu mereka dengan memberi sebarang bantuan.  
(ii) Menghulurkan derma dan tidak menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan kepada golongan OKU.

**6. (a) Gembira kerana dapat menyiapkan tugas yang diberikan.**

- (b) Gembira kerana dapat menjaga kebersihan alam sekitar.  
(c) Gembira kerana dapat membantu keluarga semasa makan malam.  
(d) Gembira kerana dapat meringankan beban ibu.

**Power KBAT**

1. (a) Ketahui kelebihan dan kelemahan diri.  
(b) Berfikiran positif.  
(c) Bersikap jujur.  
(d) Bersyukur.  
(e) Tenangkan hati anda.

2. (a) (i) Individu memberitahu, melihat dan mendengar perkara yang tidak wujud, iaitu halusinasi dan delusi.  
 (ii) Tingkah laku bertentangan dengan nilai masyarakat.  
 (iii) Tingkah laku yang menyebabkan kesedihan dan ketakutan serta takut berada di tempat yang ramai orang.  
 (iv) Mengalami kebimbangan, takut dan kemurungan.
- (b) (i) Pendidikan  
 (ii) Kempen kesedaran  
 (Terima jawapan murid yang sesuai)

**Unit  
4****Tanggungjawab Diri Membentuk Keluarga Bahagia****Modul PBD**

1. (a) Memastikan keselamatan anggota keluarga terjamin.  
 (b) Menyayangi setiap anggota keluarga.  
 (c) Menjaga kebijakan anggota keluarga.  
 (d) Menghormati anggota keluarga yang lebih tua.  
 (e) Menjaga nama baik keluarga.  
 (f) Menghindari aktiviti negatif.
2. (a) memberikan, taat, menghormati  
 (b) ucapan, pemberian hadiah  
 (c) memperuntukkan  
 (d) menjaga  
 (e) sopan, kesat  
 (f) rawatan

**3. Menjaga kebijakan anggota keluarga**

- Membantu ibu bapa di rumah.
- Membantu adik-beradik dalam pelajaran.
- Melibatkan diri dalam aktiviti keluarga.

**Memastikan keselamatan anggota keluarga**

- Menutup suis peralatan elektrik jika tiada menggunakanannya.
- Sentiasa mengunci pintu rumah.
- Menjaga keselamatan adik-beradik ketika orang dewasa tiada di rumah.

**Menghormati anggota keluarga**

- Mendengar nasihat anggota keluarga.
- Saling bertegur sapa.
- Menukar kata-kata sopan dan tidak menyinggung perasaan orang lain.

**Menjaga nama baik keluarga**

- Berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam pelajaran.
- Tidak terlibat dengan masalah sosial.
- Mematuhi peraturan sekolah.

**Menyayangi anggota keluarga termasuk yang kurang upaya**

- Membantu anggota keluarga termasuk yang kurang upaya.
- Mengurus keperluan harian anggota keluarga termasuk yang kurang upaya.
- Menjaga anggota keluarga termasuk yang kurang upaya ketika ibu bapa tiada di rumah.

**4. Situasi 1**

Kepentingan: Keluarga bahagia dapat diwujudkan.

**Situasi 2**

Kepentingan: Maruah keluarga terpelihara.

**Situasi 3**

Kepentingan: Anggota keluarga saling mempercayai.

**Situasi 4**

Kepentingan: Keluarga dihormati oleh masyarakat sekeliling.

5. (a) Kim Lin tertekan kerana tidak dapat menjawab peperiksaan dengan baik.  
 (b) Menimbulkan ketidakpuasan dan kemarahan dalam kalangan anggota keluarga.  
 (c) Hubungan kekeluargaan menjadi renggang.  
 (d) Masyarakat memandang rendah kepada anggota keluarga.  
 (Terima jawapan murid yang sesuai)
6. (a) Gembira  
 Dapat mengurangkan beban ibu.  
 (b) Gembira  
 Melayan ibu yang sudah tua sebagai membala jasa mereka menjaga kita sejak kecil.  
 (c) Gembira  
 Dapat makan bersama-sama dan berbincang masalah yang dihadapi serta mengeratkan hubungan kekeluargaan.
7. (a) Mengambil cuti dan menjaga ibu yang sedang sakit.  
 (b) Berhenti bergaduh dan memberikan patung beruang kepada adik bongsu.  
 (c) Membantu ibu mengemas rumah dan menyusun barang yang tidak tersusun.

**Power KBAT**

1. (i) Manusia berfikiran materialistik.  
 (ii) Cara hidup yang tidak mementingkan pendidikan agama dan kerohanian.  
 (iii) Ibu bapa terlalu sibuk dengan aktiviti sosial.
2. (i) Masa depan anak-anak akan terbiar dan tidak terpelihara.  
 (ii) Wujud masalah sosial seperti lepak, penagihan dadah dan lain-lain.  
 (iii) Wujud perasaan marah.  
 (iv) Anak berasa diasingkan.
3. (i) Makan bersama dengan ahli keluarga yang besar seperti masa kenduri, makan malam.  
 (ii) Solat bersama.  
 (iii) Melakukan aktiviti beriadah ataupun keluar membeli-belah bersama.  
 (iv) Menceritakan masalah dengan keluarga terdekat.  
 (Terima jawapan murid yang sesuai)

**Unit  
5****Adab Dijaga, Persahabatan Terbela****Modul PBD**

1. (a) Memberikan tunjuk ajar dalam pelajaran.  
 (b) Memberikan sokongan.  
 (c) Menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi.  
 (d) Menjaga keaiban sahabat iaitu tidak membocorkan rahsia.  
 (e) Menghormati pandangan sahabat.  
 (f) Bertoleransi.  
 (g) Saling menghormati.  
 (h) Sedia memaafkan.



2. (a) Tidak membuat sesuatu yang boleh melukakan hati sahabat.  
(b) Bercakap dengan sopan dan berhemah dengan sahabat.  
(c) Menziarahi sahabat yang sakit.  
(d) Menjaga rahsia dan aib sahabat.  
(e) Menjaga batas persahabatan.  
(Terima jawapan murid yang sesuai)
3. (a)   
(b)   
(c)   
(d)   
(e)   
(f)   
(g)   
(h)
4. (a) Tidak mencampuri urusan peribadi sahabat.  
(b) Tidak menghina kekurangan sahabat.  
(c) Tidak menggunakan barang sahabat tanpa kebenaran.  
(d) Tidak melakukan tindakan yang boleh menyakiti hati sahabat.
5. (a) Tidak gembira  
(b) Tidak gembira  
(c) Gembira  
(d) Gembira  
(e) Gembira  
(f) Gembira  
(g) Gembira  
(h) Tidak gembira  
(i) Tidak gembira  
(j) Tidak gembira  
(k) Gembira
6. (a) Sedih, melukakan hati saya.  
(b) (i) Tidak dipercayai oleh rakan.  
    (ii) Rakan tidak mahu bekerjasama lagi dalam sebarang perkara.  
(c) (i) Tidak mencampuri urusan peribadi sahabat.  
    (ii) Tidak berperangai buruk.  
    (iii) Menjaga adab pergaulan antara lelaki dan perempuan.  
    (iv) Tidak menghina kekurangan sahabat.  
    (v) Tidak menyakiti hati sahabat.  
(Terima jawapan murid yang sesuai)

#### Power KBAT

1. Ya, kerana remaja lebih banyak meluangkan masa bersama rakan sebaya berbanding dengan ahli keluarga. Mereka lebih terikut gaya hidup rakan sebaya.
2. (a) Kerana mereka sebaya dan mempunyai cita rasa yang sama. Rakan sebaya lebih mudah untuk berbincang dan meluahkan perasaan.  
Latar belakang dan minat yang lebih kurang sama.  
Dapat berbincang secara terbuka dan jujur.
- (b) • Amanah dan ikhlas  
• Akur pada janji  
• Berbudi pekerti mulia  
(Terima jawapan murid yang sesuai)

Unit  
**6**

#### Jiran Sepakat Membawa Berkat

#### Modul PBD

1. (a) orang, berhampiran  
(b) menyatupadukan  
(c) positif, bekerjasama  
(d) pertolongan  
(e) bertoleransi, menghormati
2. (a) Mudah mendapat bantuan jika menghadapi sesuatu masalah.  
(b) Menjamin keselamatan tempat tinggal kita.  
(c) Dapat membantu menjayakan majlis keramaian.  
(d) Membolehkan gejala negatif di tempat tinggal dicegah.  
(e) Memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat.  
(f) Memupuk semangat bekerjasama dan tolong-menolong.
3. (a)   
(b)   
(c)   
(d)   
(e)   
(f)   
(g)   
(h)   
(i)   
(j)   
(k)   
(l)
4. (a) Menghantar makanan kepada jiran/ menziarahi jiran tetangga dapat merapatkan hubungan antara jiran dan menjamin keharmonian setempat.  
(b) Bertegur sapa dengan jiran/ memberi salam dan berkenalan dengan jiran – dapat mewujudkan suasana yang harmoni.  
(c) Membantu jiran yang ingin berpindah/ mengangkat barang masuk ke dalam rumah – kerja yang berat menjadi ringan.  
(d) Melawat jiran yang sedang sakit di hospital – menunjukkan keprihatinan terhadap jiran.
5. (a) Gembira.  
(b) Tidak gembira kerana tidak boleh meminta pertolongan semasa kecemasan.  
(c) Menerima jemputan dan menghadiri dengan berpakaian sopan dan sesuai.  
(d) (i) Memberikan nasihat kepada jiran tersebut.  
    (ii) Melaporkan kes ini kepada pihak polis kerana mengganggu ketenteraman awam.

#### Power KBAT

1. Konsep kejiranan semakin pudar dalam kalangan masyarakat Malaysia hari ini. Sebab utamanya ialah perubahan gaya hidup masyarakat sekarang yang terlalu sibuk mencari rezeki untuk menyara keluarga. Kemajuan teknologi juga mempengaruhi kelunturan semangat kejiranan masyarakat hari ini.

2. Setuju. Semangat kejiranan merupakan unsur penting dalam kehidupan bermasyarakat. Selain dapat memupuk persefahaman, amalan kejiranan yang baik dapat menyatupadukan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara kita.
3. Jiran sepat membawa berkat.

## **Unit 7 Masyarakat Penyayang Tonggak Aspirasi Negara**

**Modul PBD**

1. (a) Prihatin  
(b) Ambil berat  
(c) Toleransi  
(d) Pemurah  
(e) Bertanggungjawab  
(f) Belas kasihan  
(g) Rajin membantu  
(h) Bekerjasama  
(i) Bertimbang rasa
2. (a) Dapat memperkuuh konsep masyarakat penyayang di negara.  
(b) Dapat mewujudkan suasana aman dan harmoni.  
(c) Dapat mengeratkan hubungan anggota masyarakat.  
(d) Dapat memperkuuh perpaduan.  
(e) Dapat meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik.
3. (a) • Membantu mereka melintas jalan.  
• Tidak membuli atau menghina mereka.  
• Memberi laluan kepada mereka.  
(b) • Membantu mereka bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.  
• Tidak meletakkan kenderaan di tempat meletak kereta yang dikhaskan bagi golongan OKU.  
(c) • Memberi laluan kepada mereka.  
• Tidak menghina mereka.
4. (a) Menyediakan penjagaan rawatan, penjagaan pencegahan, penyelidikan serta perkhidmatan sokongan kanser untuk pesakit kanser dan keluarga mereka, kumpulan berisiko tinggi, serta orang awam di Malaysia.  
(b) Mengumpulkan wang dan menguruskan dana untuk menyokong aktiviti-aktiviti Majlis AIDS Malaysia dan ahli-ahli.  
(c) Memberi bantuan dalam bentuk tindakan dan penerangan serta membantu pembangunan sosial secara bersepadu melalui kerjasama dengan masyarakat setempat, rakan kerjasama, dan penaja.  
(d) Memberi bantuan sumber, sokongan moral, dan menjadi entiti yang memberi khidmat nasihat kepada ibu bapa/ penjaga yang mempunyai anak autisme, individu autisme serta mana-mana organisasi yang mempunyai kaitan dengan ibu bapa/ penjaga atau individu autisme.
5. (a) Gembira kerana golongan OKU dan masyarakat yang berkeperluan mendapat bantuan dan pembelaan yang sewajarnya dari badan yang bertanggungjawab seperti pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan.

- (b) (i) Rajin membantu.  
(ii) Bertimbang rasa.  
(iii) Ambil berat.  
(iv) Bertanggungjawab.  
(v) Belas kasihan.  
(vi) Pemurah.  
(vii) Baik hati.  
(viii) Bekerjasama.  
(ix) Prihatin.  
(x) Toleransi.
- (c) (i) Menghadiri majlis rumah terbuka yang dianjurkan oleh pelbagai pihak/ jiran.  
(ii) Tidak menghina cara beribadat kaum lain.  
(iii) Memahami adat resam kaum lain dan berbincang jika ada masalah.

**Power KBAT**

1. (i) Membantu golongan kurang upaya ini dengan memberikan sumbangan dari segi kewangan, tempat tinggal atau pendidikan.  
(ii) Ibu bapa haruslah bersikap terbuka dan bersedia mendengar segala masalah yang dihadapi oleh anak-anak.  
(iii) Menganjurkan ‘Kempen Masyarakat Penyayang’ di tempat-tempat yang sesuai.
2. (i) Kurangnya amalan nilai-nilai kemasyarakatan.  
(ii) Wujud pelbagai gejala sosial dalam kalangan remaja pada masa kini.  
(iii) Wujudnya masalah penganiayaan kanak-kanak dan pengabaian golongan tua.  
(iv) Pemusnahan alam sekitar.
3. (Terima jawapan murid yang sesuai)

## **Unit 8 Perkhidmatan Awam Pemangkin Pembangunan Negara**

**Modul PBD**

1. (a) Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)  
(b) Mahkamah  
(c) Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)  
(d) Sekolah  
(e) Hospital  
(f) Jabatan Pendaftaran Negara  
(g) Radio Televisyen Malaysia (RTM)  
(h) Jabatan Imigresen Negara  
(i) Polis Diraja Malaysia (PDRM)  
(j) Jabatan Penerangan Malaysia  
(k) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)  
(l) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
(m) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)  
(n) Jabatan Kebajikan Masyarakat  
(o) Jabatan Alam Sekitar  
(p) Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
2. (a) Meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.  
(b) Membantu melicinkan pentadbiran negara.  
(c) Meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.



- (d) Memberikan kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat tentang pelbagai perkhidmatan awam yang disediakan.
- (e) Memberikan kemudahan kepada rakyat.
- (f) Menjadi perantara kerajaan dengan rakyat.
3. (a) Mematuhi etika dan peraturan di agensi perkhidmatan awam.
- (b) Menyokong program yang dianjurkan.
- (c) Tidak menyalahgunakan perkhidmatan yang ditawarkan.
- (d) Tidak memandang rendah pada pekerja agensi perkhidmatan awam.
- (e) Menggunakan bahasa yang sopan ketika berurusan.
- (f) Mengucapkan terima kasih selepas mendapatkan perkhidmatan.
4. (a) • Mengeluarkan pasport dan dokumen perjalanan kepada warganegara dan penduduk tetap.  
• Mengeluarkan visa, pas, dan permit kepada warganegara asing yang memasuki Malaysia.
- (b) • Memberikan penerangan dan penjelasan tentang dasar, falsafah, dan wawasan negara.  
• Membina, mengukuh, dan menyebar luas jaringan komunikasi yang menyeluruh dan berkesan dalam menguruskan penyampaian maklumat.
- (c) • Memberikan khidmat pencegahan dan pemadam kebakaran.  
• Menguatkuaskan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan memadam kebakaran.  
• Menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan.
5. (a) Gembira, dapat mengurangkan jenayah dan penjenayah mendapat hukuman yang setimpal.
- (b) (i) Membantu mangsa kemalangan yang tersepit.  
(ii) Mengeluarkan haiwan yang terperangkap di sesuatu tempat.  
(iii) Menangkap ular berbisa.
- (c) (i) Memberikan kemudahan perkhidmatan kepada masyarakat.  
(ii) Membantu melicinkan pentadbiran negara.

#### Power KBAT

1. Penggunaan ICT perlu dimaksimumkan kerana berupaya memendekkan masa penyampaian perkhidmatan. Semua warga perkhidmatan awam perlu meningkatkan kecekapan diri dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Mesti berani membuat pertimbangan dan keputusan, sentiasa kreatif dan inovatif.
2. (Terima jawapan murid yang sesuai)

Unit  
**9**

#### Hargai Alam Warisan Kita

#### Modul PBD

1. (a) Tidak membuang sampah ke merata-rata tempat.  
(b) Penanaman pokok.  
(c) Bergotong-royong membersihkan alam sekitar.

- (d) Tidak melakukan pembakaran terbuka.
- (e) Mengamalkan 5R.
- (f) Melaporkan kegiatan yang menjelaskan alam sekitar.

#### 2. Jabatan Alam Sekitar (JAS)

- Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
- Mencegah dan mengawal pencemaran alam sekeliling.

#### Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

- Mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang mencemarkan sungai.
- Mensyaratkan semua premis makanan memasang sistem penapis untuk menghalang sisa makanan disalurkan ke sungai.

#### Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

- Pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan.
- Mengambil tindakan undang-undang terhadap pesalah yang melakukan pembalakan haram.

3. (a) Meningkatkan usaha memelihara dan memulihara semua jenis hutan dan sumber asli dengan penglibatan komuniti.
- (b) Menyedarkan orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar.
- (c) Memperjuangkan alam sekitar supaya tidak tercemar dan menganjurkan program kesedaran alam.

4. (a) • Jerebu.

- Pencemaran udara.
- Kemusnahan habitat haiwan (hidupan liar).

- (b) • Peningkatan suhu.

- Kehilangan kawasan tadahan air.
- Kepupusan flora dan fauna.

- (c) • Pencemaran sumber air.

- Kemusnahan hidupan akuatik.

- (d) • Pencemaran udara.

- Kejadian hujan asid.

5. (a) Sangat gembira kerana dapat membantu dalam program melindungi alam sekitar.
- (b) Melaporkan kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan.
- (c) (i) Menjalankan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan sungai.  
(ii) Mengesyorkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk meletakkan tong kitar semula.

#### Power KBAT

1. (i) Menanam pokok seperti pokok bunga di sekeliling rumah.  
(ii) Mengelakkan tabiat membuang sampah merata-rata atau ke dalam sungai.  
(iii) Mempraktikkan amalan kitar semula dalam kehidupan sehari-hari.
2. Masyarakat Malaysia masih kurang kesedaran tentang kepentingan amalan kitar semula demi memastikan kelestarian alam sekitar kita. Kadar kitar semula di Malaysia adalah masih pada tahap yang rendah berbanding dengan negara seperti Korea Selatan, Jerman, dan Sweden.
3. (Terima jawapan murid yang sesuai)

Unit  
10

## Gaya Hidup Sihat dan Selamat Menjamin Keharmonian Bersama

### Modul PBD

1.

|                                     |                                     |                                     |
|-------------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |

2. (a) - Mengambil makanan yang disaran oleh doktor dan pakar nutrisi.  
 - Mengelakkan mengambil makanan dan minuman yang boleh mengundang risiko penyakit.  
 - Menjauhi makanan dan minuman yang mengandungi gula dan kolestrol yang tinggi.
  - (b) - Melakukan senaman secara rutin harian.  
 - Melakukan aktiviti ringan seperti berkebun.  
 - Berekreasi, beriadah bersama ahli keluarga.
  - (c) - Menjaga kebersihan tubuh badan.  
 - Memastikan kebersihan di dalam kediaman.  
 - Memelihara kebersihan persekitaran luar kediaman supaya terhindar daripada wabak seperti denggi, malaria dan penyakit berjangkit.
  - (d) - Mendapatkan tidur yang berkualiti.  
 - Mengatur jadual untuk rehat yang cukup.  
 - Mengurus diri daripada stres yang melampau.
  - (e) - Sentiasa bercakap perkara yang positif.  
 - Bergaul dengan orang yang berfikiran positif demi kebaikan diri.  
 - Menjauhi mereka yang sentiasa berfikiran negatif.  
 - Banyakkan membaca bahan ilmiah yang dapat memupuk positif diri.
  - (f) - Mengelakkan daripada mengambil rokok, arak dan dadah yang pasti mengundang penyakit kronik.  
 - Menjauhi mereka yang terlibat dengan gejala ketagihan rokok, arak dan dadah.
3. (a) • Memiliki tubuh badan yang sihat.  
 • Mengurangkan tekanan/ stres  
 • Bebas daripada masalah sosial
  - (b) • Melahirkan anggota masyarakat yang lebih produktif.  
 • Melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan bekerjasama.  
 • Melahirkan anggota masyarakat yang sihat.

4. (a)

|                                     |                                     |
|-------------------------------------|-------------------------------------|
| <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |

- (b) Amalan gaya hidup sihat mengurangkan risiko menghadapi penyakit berbahaya. Contohnya, senaman memastikan tubuh kita sentiasa cergas dan menyebabkan sistem peredaran darah lebih teratur. Rehat yang cukup mengurangkan stres dan menenangkan minda. Hal ini membolehkan kita hidup sejahtera.  
 (Terima jawapan murid yang sesuai)

5.

- (a) Gembira kerana badan sihat dan dapat menjalani kehidupan yang baik.
  - (b) Untuk menjaga tahap kesihatan dan dapat melakukan tugas dengan badan yang cergas.
  - (c) Mudah mendapat penyakit seperti diabetes, obesiti, dan sakit jantung.
6. (a) Menyertai sesi senamrobik di taman rekreasi berhampiran tempat tinggal saya yang diadakan seminggu sekali.
  - (b) Menjalankan pemeriksaan pergigian di pusat kesihatan sekurang-kurangnya dua kali setahun.
  - (c) Mengelakkan pengambilan makanan berminyak, makanan ringan, dan minuman bergas.
  - (d) Memastikan saya minum tiga liter air sehari.
  - (e) Memastikan saya memakan buah-buahan sebelum makan tengah hari dan makan malam.
- (Terima jawapan murid yang sesuai)

### Power KBAT

1. Mereka yang lebih terbuka dan bersedia untuk berkongsi masalah dengan orang lain didapati lebih bermakna kehidupannya berbanding dengan individu yang suka bersendirian. Sikap berkawan dan menghabiskan masa bersama-sama mereka menjadikan keperluan psikologi manusia dipenuhi dengan efektif. Hubungan baik yang berkekalan biasanya dapat melahirkan satu bentuk kehidupan yang ceria dan menggembirakan.
2. (i) Tabiat suka makan pada lewat malam ataupun mengikut nafsu.  
 (ii) Kurang melakukan aktiviti fizikal seperti senaman atau sukan.  
 (iii) Berada dalam keadaan stres yang berpanjangan.  
 (Terima jawapan murid yang sesuai)

**Unit  
11**

## **Adab di Tempat Awam Dijaga, Nikmat Hidup Dirasai Bersama**

### **Modul PBD**

- 1.
- |   |   |   |
|---|---|---|
|   |   |   |
| ✓ | ✓ | ✓ |
|   |   |   |
| ✗ | ✓ | ✗ |
|   |   |   |
| ✓ | ✗ | ✓ |
2. (a) • Tidak memandu secara berbahaya.  
     • Mematuhi had laju yang dibenarkan.  
 (b) • Tidak membunyikan hon apabila melalui kawasan ini.  
     • Tidak membuat bising di dalam hospital.  
 (c) • Memakai pakaian yang sesuai.  
     • Tidak berbincang atau berbual dengan suara kuat.  
 (d) • Menghormati orang yang sedang bersembahyang.  
     • Mematuhi peraturan.
3. (a) Dapat memupuk silaturahim dalam kalangan pengunjung.  
 (b) Melahirkan masyarakat yang mencintai alam sekitar.  
 (c) Dapat mengurangkan kos penyelenggaraan tempat tersebut.  
 (d) Menjaga kebersihan tempat tersebut.  
 (Terima jawapan murid yang sesuai)

**4. Situasi 1 - Beradab**

Amalan Naveen tersebut menunjukkan dia seorang yang menjaga kebajikan golongan yang berkeperluan. Naveen seorang yang bertimbang rasa dan memikirkan keadaan orang di sekeliling ketika berada di tempat awam.

**Situasi 2 - Tidak beradab**

Amalan Malek tersebut menunjukkan dia seorang tidak beradab. Perbuatan Malek akan mengganggu pesakit lain di hospital. Malek seharusnya menjaga adab dan kelakuan semasa di hospital yang merupakan tempat awam.

**Situasi 3 - Tidak beradab**

Amalan Wai Peng tersebut menunjukkan dia seorang tidak beradab. Perbuatan Wai Peng adalah satu amalan yang membazir dan tidak bertanggungjawab. Keadaan ini akan menyusahkan pengguna lain. Ini juga menjelaskan imej negara kita.

5. (a) Gembira kerana dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

- (b) (i) • Tidak membuang sampah di merata-rata tempat.  
     • Menggunakan tong sampah untuk membuang sampah.
- (ii) • Membuang sampah dan puntung rokok di kawasan larangan.  
     • Membuat bising dan gangguan di kawasan awam sehingga mengganggu orang lain.
- (c) (i) Dikenakan denda.  
     (ii) Mencemarkan kawasan tersebut.  
     (iii) Menjatuhkan imej negara kita kepada pelancong asing.
- (d) (i) Menguatkuasakan undang-undang  
     (ii) Melaksanakan kempen kesedaran kepada masyarakat.

**6. Perpustakaan awam**

- Membaca dalam keadaan senyap.
- Mengatur dan menyusun semula buku yang telah dibaca ke tempatnya.
- Menghormati pengunjung lain yang sedang membaca.

**Hentian bas**

- Memberi tempat duduk kepada mereka yang lebih memerlukan seperti orang tua, ibu mengandung dan kanak-kanak.
- Menghormati orang lain dengan tidak membuat bising.

**Hospital**

- Mendahulukan pesakit yang dalam kecemasan.
- Bercakap dengan nada yang perlahan.
- Berbicara dengan sopan apabila berurusan dengan pihak pengurusan hospital.

**Tandas awam**

- Menjaga kebersihan ketika berada di dalam tandas.
- Membuang tisu ke dalam bakul sampah.
- Menggunakan kemudahan yang disediakan dengan baik.

**Kemudahan OKU**

- Membantu golongan OKU untuk menggunakan tandas.
- Mendahulukan mereka untuk meletakkan kenderaan di ruangan khas yang disediakan.
- Menolong mereka melintas jalan.

**Power KBAT**

1. Hedonisme membawa maksud ‘kesenangan’ atau dalam erti kata lain, menjadikan kesenangan dunia untuk beroleh ketenangan rohani, iaitu pola pemikiran yang menjadikan hiburan sebagai jalan untuk bebas daripada permasalahan dan tekanan batas kehidupan yang dianggap rumit.
2. (i) Keruntuhan dan kurangnya keprihatinan dalam institusi keluarga dan kejiranan.  
     (ii) Kurang didikan agama dan moral.  
     (iii) Pengaruh dan tekanan rakan sebaya.
3. (i) Meningkatkan kadar jenayah di dalam negara.  
     (ii) Golongan remaja semakin jauh daripada nilai-nilai agama.  
     (iii) Menyebabkan golongan remaja lupa akan matlamat hidup yang sebenar.

**Unit  
12**

## **Etika dan Undang-undang Siber**

### **Membantu Pembentukan Jati Diri**

#### **Modul PBD**

1. (a) Menggunakan bahasa yang sopan.  
 (b) Tidak memuat naik gambar atau komen yang tidak senonoh.  
 (c) Tidak berkongsi atau menyebarkan keburukan orang lain.  
 (d) Tidak menghina mencela, menyindir, mahupun melemparkan tuduhan yang tidak berasas kepada orang lain.  
 (e) Tidak menyebarkan maklumat yang belum pasti kesahihannya.  
 (f) Mematuhi akta undang-undang siber.
2. (a) Prinsip, tatacara moral, nilai-nilai murni seperti adab dan sopan santun.  
 (b) Komponen penting dalam undang-undang negara dan penting untuk memacu pembangunan ICT.  
 (c) Bertujuan untuk memberikan garis panduan dan mengawal selia penggunaan Internet.

| <b>Etika siber</b>   | <b>Undang-undang siber</b>   |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Garis panduan bagi pengguna siber.</li> <li>• Tiada hukuman dikenakan.</li> <li>• Dianggap tidak bermoral jika tidak mematuhi etika.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraturan untuk mengawal pengguna siber.</li> <li>• Dikenakan hukuman bagi yang melanggar peraturan.</li> <li>• Disebut sebagai penjenayah jika menyalahi undang-undang.</li> </ul> |

#### **3. Situasi 1**

Menjadi pengguna siber yang berhemah.

#### **Situasi 2**

Melakukan urus niaga dalam talian dengan selamat.

#### **Situasi 3**

Mewujudkan persekitaran siber yang selamat dan sihat.

#### **Situasi 4**

Memperoleh maklumat yang tepat.

#### **4. Penggunaan Internet secara tidak beretika**

- (a) Menyebarluaskan maklumat tanpa mengetahui kesahihannya.
- (b) Menceroboh masuk fail komputer orang lain.
- (c) Mengambil hasil intelektual orang lain untuk diri sendiri.
- (d) Menyebarluaskan fitnah dalam media sosial seperti facebook dan blog.
- (e) Mencetuskan konflik dalam masyarakat dengan mengemukakan kenyataan yang sensitif seperti agama, politik, dan sebagainya.

#### **Kesan**

- (a) Menyebabkan kerisauan, kemurungan, dan tekanan perasaan.
- (b) Boleh didakwa kerana menceroboh sistem orang lain. Menjejasakan maruah diri, keluarga, dan negara.
- (c) Isu hak cipta, boleh didakwa. Menjejasakan maruah diri, keluarga, dan negara.
- (d) Menjatuhkan imej atau maruah orang lain.
- (e) Menjejasakan perpaduan.

5. (a) Gembira kerana menggunakan media untuk aktiviti yang berfaedah.  
 (b) (i) Menggunakan alatan komputer dan semua peralatan dengan baik.  
 (ii) Menggunakan maklumat yang benar.  
 (iii) Tidak membuat penipuan semasa berkomunikasi.  
 (c) (i) Menimbulkan perselisihan faham dan pergaduhan.  
 (ii) Menjejasakan maruah diri dan keluarga.  
 (iii) Menjatuhkan imej dan maruah orang.  
 (d) (i) Melayari laman web lucu.  
 (ii) Menggunakan maklumat palsu untuk berurus.  
 (iii) Mengubah suai gambar dan memberi maklumat palsu.

#### **Power KBAT**

1. Saya merasakan undang-undang siber memainkan peranan penting dalam memajukan industri multimedia. Orang ramai memerlukan keselesaan mengetahui bahawa urusan menerusi Internet adalah selamat. Mereka ingin mengetahui bahawa mereka yang melanggar undang-undang siber akan dikenakan hukuman. Saya merasakan dalam mendorong masyarakat luar untuk melabur membangunkan MSC, perlu ada jaminan bahawa mereka dilindungi oleh undang-undang.
2. (i) Kesediaan mangsa jenayah siber untuk mendakwa pihak yang melakukan kesalahan.  
 (ii) Masyarakat tidak tahu atau tidak sedar sama ada apa yang mereka lakukan adalah jenayah atau bukan.

**Unit  
13**

## **Keselamatan di Jalan Raya**

### **Tanggungjawab Bersama**

#### **Modul PBD**

1. (a) Elakkan mengekor kenderaan lain secara dekat.  
 (b) Pakai pakaian cerah pada waktu malam.  
 (c) Elakkan mencelah di antara kenderaan.  
 (d) Gunakan jejantas ketika melintas.  
 (e) Patuhi lampu isyarat.  
 (f) Mempunya lesen memandu.  
 (g) Patuhi had laju kenderaan yang ditetapkan.  
 (h) Pakai tali pinggang keledar di dalam kereta.
2. **Peraturan jalan raya**  
 Amalan keselamatan yang boleh meningkatkan keselamatan pengguna di jalan raya.
3. (a) Mengelakkan kemalangan.  
 (b) Mengurangkan kesesakan jalan raya.  
 (c) Mengelakkan kehilangan nyawa dan harta benda.  
 (d) Mенjadikan jalan raya selamat untuk digunakan.  
 (e) Mengurangkan beban kerajaan membaiki kerosakan akibat kemalangan jalan raya.  
 (f) Imej negara meningkat.

**4. Kerajaan**

- Menjalankan kempen kesedaran bermula di peringkat sekolah.
- Menguatkuasakan undang-undang jalan raya.

**Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)**

- Mengadakan sekatan jalan raya dengan lebih kerap.
- Mengenakan saman yang lebih tinggi kepada pesalah yang mengulangi kesalahan yang sama.

**Badan bukan kerajaan (NGO)**

- Mengedarkan risalah dan brosur tentang keselamatan jalan raya.
- Mencipta iklan yang berkesan tentang keselamatan jalan raya.

5. (a) Gembira kerana apabila saya mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya, keselamatan diri dan orang lain akan lebih terjamin.
- (b) Mengelakkan berlakunya kemalangan dan menjamin keselamatan pengguna jalan raya yang lain seperti pemandu motosikal dan pejalan kaki.
- (c) (i) Disaman oleh JPJ.  
(ii) Kenderaan ditunda.  
(iii) Lesen pemandu boleh digantung.
6. (a) Lihat kiri, kanan, kemudian kiri sebelum melintas jalan.
- (b) Sekiranya berjalan kaki ke sekolah, pastikan berjalan di bahu jalan atau lorong pejalan kaki.
- (c) Tunggu sehingga bas berhenti sebelum turun.
- (d) Beratur dan bergerak dalam barisan semasa menaiki bas.
- (e) Gunakan jeantas yang disediakan ketika melintas jalan raya.
- (Terima jawapan murid yang sesuai)

**Power KBAT**

1. (i) Memperuntukkan sumber kewangan untuk membina jalan raya yang lebih lurus dan laluan khas untuk motosikal.  
(ii) Memperbaiki kemudahan pengangkutan awam.  
(iii) Pihak JPJ dan polis mestilah membuat pemantauan yang berterusan.  
(iv) Pemandu yang melanggar peraturan jalan raya perlu didakwa di mahkamah.
2. (i) Menggesa rakan sekelas supaya mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang ditetapkan kerana peraturan ini diwujudkan bagi menjaga keselamatan para pengguna jalan raya.  
(ii) Menampal poster-poster yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya di dalam kelas.  
(iii) Mengedarkan brosur atau risalah tentang keselamatan jalan raya.

Unit  
14

**Menangani konflik Identiti Diri Asas Pembentukan Personaliti****Modul PBD**

1. Remaja pada umumnya merujuk golongan yang berumur 12 hingga 23 tahun. Konflik identiti diri bermaksud perselisihan atau pertentangan dalam individu. Konflik identiti diri terjadi apabila tiada keseimbangan dalam diri seseorang individu.

2. (a) Remaja kurang penghayatan agama dan nilai-nilai murni.

- (b) Mudah terpengaruh dengan rancangan dalam media massa yang berunsurkan keganasan.
- (c) Terdorong untuk melakukan sesuatu perkara di luar jangkaan apabila berasa tertekan.
- (d) Perasaan ingin mencuba sesuatu yang baharu sehingga boleh melanggar etika dan norma hidup.
- (e) Terpengaruh dengan rakan-rakan dan orang sekeliling kerana tiada pegangan dan matlamat hidup yang jelas.

3. (a) Para remaja harus berbincang secara baik dengan ibu bapa. Jalinan komunikasi yang tinggi antara remaja dengan ibu bapa sangat penting. Ibu bapa harus menjadi pendengar yang baik dan memberikan jalan penyelesaian dengan sabar.
- (b) Para remaja harus menjauahkan diri daripada rakan-rakan yang melakukan kegiatan negatif. Mereka juga perlu berjumpa dengan pakar kaunseling untuk meluahkan masalah.

**4. Situasi 1**

Cara menangani

Siti Khadijah seharusnya memberitahu ibu bapanya memahami perasaannya dan minta mereka henti sikap suka membanding. Ini kerana setiap orang adalah berbeza dan mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing.

Kepentingan

- Mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara negatif.
- Meningkatkan keyakinan diri dan mengeratkan hubungan dengan orang lain.

**Situasi 2**

Cara menangani

Soon Kiat seharusnya menjauahkan diri daripada rakan-rakan yang melakukan gejala negatif. Soon Kiat perlu mengamalkan gaya hidup sihat dan positif untuk menghilangkan tekanan pelajaran.

Kepentingan

- Mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara negatif.
- Memelihara imej dan maruah diri.

5. (a) Sedih kerana imej keluarga akan tercemar.

- (b) (i) Risiko diculik dan dilarikan.  
(ii) Tiada jaminan keselamatan.  
(iii) Tiada sumber kewangan dan boleh dijual untuk tujuan pelacuran.
- (c) (i) Mengeratkan hubungan kekeluargaan dan tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan adat dan budaya.  
(ii) Berfikiran positif serta seimbang dan mengamalkan ajaran agama.  
(iii) Berkawan dengan individu yang positif dan mengamalkan gaya hidup yang positif.
- (d) (i) Mengeratkan hubungan dengan orang lain.  
(ii) Menikmati hidup lebih aman dan tenang.  
(iii) Menjaga imej diri dan keluarga serta disegani oleh orang lain.

6. (a) Tetapkan matlamat hidup.
  - (b) Tidak mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang negatif.
  - (c) Sentiasa berfikir secara positif.
  - (d) Manfaatkan masa dengan aktiviti yang berfaedah.
  - (e) Teguhkan jati diri.
- (Terima jawapan murid yang sesuai)

**Power KBAT**

1. Wujud disebabkan ada jurang generasi di antara kedua-dua pihak yang mana si ibu bapa tidak menerima pandangan anak mereka manakala si anak berpendapat ibu bapa terlalu mengongkong dan tidak memahami kehendak mereka. Kebanyakan ibu bapa hari ini berpendapat pencapaian atau taraf pendidikan merupakan satu faktor penentu yang akan menjamin sosioekonomi anak-anak mereka. Hal ini mendorong sesetengah ibu bapa menetapkan matlamat yang terlalu tinggi dan menuntut anak mereka menghabiskan masa dengan belajar. Harapan yang tinggi dalam pendidikan akan memberi tekanan yang melampau kepada remaja.
2. (Terima jawapan murid yang sesuai)

Unit  
15**Hak Asasi Manusia Dilindungi Bersama****Modul PBD****1. Hak wanita**

- Hak untuk mendapat pendidikan.
- Hak untuk mendapat pekerjaan.
- Hak untuk mendapat peluang kenaikan pangkat.
- Hak untuk mendapat perlindungan.
- Hak untuk bersuara.

**Hak pengguna**

- Hak untuk mendapat keperluan asas.
- Hak untuk mendapat barang dan perkhidmatan yang selamat.
- Hak untuk mendapat maklumat.
- Hak untuk menyuarakan pendapat.
- Hak untuk membuat pilihan.

**Hak orang kurang upaya**

- Hak untuk dihormati.
- Hak untuk menikmati kehidupan yang normal.
- Hak untuk menjalani kehidupan tanpa sebarang diskriminasi.
- Hak untuk mendapat sokongan yang diperlukan untuk berdikari.
- Hak untuk mendapat peluang yang sama.

**Hak pekerja**

- Hak untuk mendapat perlindungan dan keselamatan.
- Hak untuk berpersatuan.
- Hak untuk mendapat cuti.
- Hak untuk mendapat upah dan gaji.
- Hak untuk mendapat rawatan apabila berlaku kemalangan di tempat kerja.

**2. (a) Golongan wanita**

- Mengelakkan wanita daripada dianiaya.
- Memberikan laluan dan memudahkan kaum wanita membangunkan potensi diri.
- Membantu wanita untuk hidup berdikari.

**(b) Golongan pengguna**

- Melindungi pengguna daripada menjadi mangsa eksloitasi pengeluar.
- Melindungi pengguna daripada bahaya yang boleh mengancam keselamatan dan kesihatan.

**(c) Golongan orang kurang upaya**

- Mengelakkan golongan OKU terpinggir daripada masyarakat.
- Menaikkan semangat mereka.
- Memberikan peluang untuk mereka menunjukkan bakat tanpa rasa rendah diri.

**(d) Golongan pekerja**

- Membolehkan pekerja mendapat gaji dan kemudahan yang setimpal dengan pekerjaan.
- Menggalakkan pekerja untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh.
- Memastikan kebijakan pekerja terpelihara dan terjaga dengan baik.

**3. (a) Memberikan perlindungan kepada wanita dan gadis yang terlibat dalam kegiatan maksiat.**

- (b) Melindungi pengguna daripada diskriminasi dan penganiayaan pihak pengeluar.
- (c) Melindungi hak-hak OKU.
- (d) Melindungi hak pekerja daripada diskriminasi dan penganiayaan pihak majikan.

**4. (a) Badan bukan kerajaan: Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO).**

Sumbangan: Berjuang untuk hak wanita, khususnya keganasan terhadap wanita.

**(b) Badan bukan kerajaan: Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).**

Sumbangan: Berusaha memperjuangkan hak pengguna di Malaysia.

**(c) Badan bukan kerajaan: Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD).**

Sumbangan: Menyediakan program pembangunan komuniti dan khidmat kaunseling untuk orang pekak.

**(d) Badan bukan kerajaan: Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).**

Sumbangan: Membela nasib pekerja dalam isu seperti penyelarasian gaji, pampasan, dan pemecatan pekerja tanpa sebab yang munasabah.

**5. (a) Gembira kerana hak dilindungi dan selesa apabila berurusan.**

- (b) (i) Golongan ini akan ditindas oleh masyarakat dan peniaga.
- (ii) Mewujudkan suasana yang tidak adil.
- (iii) Wanita tidak mendapat hak yang sepatutnya.
- (iv) Boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan pergaduhan serta penindasan.

- (c) (i) Tidak menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk golongan kurang upaya.  
(ii) Memberikan bantuan kepada golongan kurang upaya.  
(iii) Melaporkan sebarang perbuatan yang melanggar hak golongan kurang upaya kepada pihak berkuasa.
- (d) (i) Hak untuk mendapat keperluan asas, barang dan perkhidmatan.  
(ii) Hak untuk mendapatkan maklumat dan membuat pilihan serta menyuarakan pendapat.  
(iii) Hak untuk mendapatkan ganti rugi dan maklumat yang tepat.

**Power KBAT**

1. (i) Fasal 5: Kebebasan individu.  
(ii) Fasal 6: Larangan perhambaan dan buruh paksa.  
(iii) Fasal 8: Kesamarataaan.  
(iv) Fasal 9: Larangan buang negara dan kebebasan bergerak.  
(v) Fasal 10: Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpesatuan.  
(vi) Fasal 11: Kebebasan beragama.
2. (Terima jawapan murid yang sesuai)

**2.**

| <b>Agensi Perkhidmatan Awam</b>        | <b>Agensi Perkhidmatan Swasta</b>   |
|--|-------------------------------------|
| Polis Diraja Malaysia                  | Persatuan Seniman Malaysia          |
| Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | Persatuan Kebangsaan Kenyah Sarawak |
| Jabatan Pengangkutan Jalan             | Persatuan Pencinta Alam Malaysia    |
| Mahkamah                               | Persatuan Pencinta Alam Malaysia    |
| Hospital                               | FOMCA                               |
| Jabatan Penerangan Malaysia            | Majlis Kelab Belia India Malaysia   |

**3. (a) Betul**

- (b) Salah
- (c) Salah
- (d) Salah
- (e) Betul
- (f) Salah
- (g) Betul
- (h) Salah

**4. Cara mengatasi konflik identiti diri**

- (a) Mengeratkan hubungan sesama anggota keluarga.
- (b) Tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan adat dan budaya dalam masyarakat.
- (c) Berfikiran positif dalam menghadapi sebarang masalah.
- (d) Berkawan dengan individu yang positif.

**Pentaksiran Akhir Tahun**
**Bahagian A**

- |       |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. A  | 2. D  | 3. D  | 4. B  | 5. C  |
| 6. D  | 7. D  | 8. C  | 9. D  | 10. B |
| 11. A | 12. C | 13. A | 14. C | 15. A |
| 16. A | 17. A | 18. B | 19. B | 20. D |

**Bahagian B**
**1. Tanggungjawab sebagai anggota keluarga**

- (a) Memastikan keselamatan anggota keluarga terpelihara.
- (b) Menyayangi dan mentaati nasihat anggota keluarga.
- (c) Menjaga kebijakan anggota keluarga.
- (d) Menghormati anggota keluarga yang lebih tua.
- (e) Menjaga nama baik keluarga.
- (f) Menghindari aktiviti negatif.